

ORIGINAL ARTICLE

FACTORS AFFECTING SOCIAL MISCONDUCT AMONGST ADOLESCENTS IN MELAKA TENGAH DISTRICT

FAKTOR PENDORONG SALAH LAKU SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA DALAM DAERAH MELAKA TENGAH

M Jamsiah dan H Hazlinda

Department of Community Health, Universiti Kebangsaan Malaysia, Medical Centre.

ABSTRACT

Background: Social misconduct amongst adolescents is a worrying and ever growing problem in Malaysia, despite efforts taken to overcome it.

Methods : A cross sectional study was conducted among secondary school students in Melaka Tengah District to measure the prevalence and determine the factors associated with social misconduct amongst adolescents. A total of 414 form four students were recruited by systematic random sampling fulfilling the study criteria between Jun to September 2008, from eight randomly selected secondary schools in the district. Data were collected using a structured self-administered questionnaire and analyzed using SPSS software version 12.0. Socio-demographic, housing and family factors in relation with social misconduct were studied.

Results : The prevalence of the social misconduct in this study was 70.5%. The most prevalent misconduct includes loitering (37.4%), truancy (30.0%), watching pornographic films (28.7%), and involved in pre-sexual activities (23.7%). The factors that showed significant association with social misconduct were sex and race.

Conclusion : The prevalence of social misconduct is high among adolescent and males as well as Malays are at higher risk. Activities planned for adolescents should be stressed on the danger and effects of social misconduct and be more focused towards male and Malay adolescents.

Key words : Social misconduct, adolescents, Melaka Tengah District

Received Jan, 2009; Accepted Jun 2009

*Correspondence to: Dr. Jamsiah Mustafa,
Department of Community Health,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Medical Centre,
56000 Cheras, Kuala Lumpur.
Tel: 03-91455906, Faks: 03-91737823
(e-mail:jamsiah_jkm@yahoo.com)*

PENGENALAN

Remaja adalah golongan pada peringkat umur 10 hingga 19 tahun. Mereka boleh diklasifikasikan kepada tiga peringkat; remaja awal (berumur 10 hingga 14 tahun), remaja pertengahan (berumur 15 hingga 17 tahun) dan remaja akhir (berumur 18-19 tahun)¹. Data dari *Department of Child and Adolescent Health and Development (CAH)* di bawah Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 2001 mendapati hampir 1.2 bilion remaja di dunia yang mana seorang dari 5 orang di dunia terdiri daripada remaja². Perangkaan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati 20.2% dari anggaran penduduk pertengahan tahun 2006 terdiri daripada remaja dan 2.7% daripada remaja Malaysia tinggal di Melaka³.

Kesihatan remaja ialah kesejahteraan dari segi fizikal, sosial, mental dan rohani yang membolehkan remaja menjalani kehidupan yang sihat dan harmoni dalam persekitaran yang turut menyokong sebagai persediaan ke arah kesihatan optimum ketika dewasa⁴. Terdapat banyak perubahan-perubahan yang dramatik yang berlaku semasa peringkat remaja seperti perubahan fizikal, biologikal serta psikososial⁵. Perubahan-perubahan ini berlaku berbeza-beza dari seorang individu dengan seorang individu yang lain. Perubahan-perubahan fizikal dan emosi yang berlaku di alam remaja serta pengaruh persekitaran boleh membangkitkan perbuatan salah laku di kalangan remaja⁵.

Salah laku sosial di kalangan remaja adalah isu dan masalah sejagat dan ianya bukanlah fenomena baru. Kewujudannya berlaku di semua negara tanpa mengira taraf kemajuan sesebuah negara. Tidak ada masyarakat yang ingin melihat masalah sosial remaja namun ia tetap wujud dan akan terus wujud dengan pesatnya kemajuan teknologi⁶. Remaja mempunyai jiwa muda dan menjalani kehidupan dengan bertenaga, penuh semangat dan keseronokan. Dengan itu, untuk menjadi seorang yang berjaya, pewaris kepimpinan negara, tonggak pembangunan negara dan sebagai aset negara yang tidak ternilai, remaja hendaklah menjadi seorang yang sihat dari segala aspek.

Seramai 590,000 remaja ditahan di penjara atau kem-kem tahanan di Amerika Syarikat setiap tahun dengan lebih kurang 30% terdiri daripada jenayah berat yang dilakukan oleh remaja di bawah umur 18 tahun⁷. Salah laku sosial remaja di Australia meningkat dengan

peningkatan umur tanpa mengira status risiko dan jantina remaja⁷.

Manakala di Malaysia dari tahun 2002 sehingga November 2004 didapati seramai 14,691 remaja ditangkap dengan 420 kes setiap bulan atau 14 kes setiap hari yang membabitkan kemusnahan harta benda, merokok, mencuri, berlumba motor secara haram, berjudi, terlibat dengan dadah, ponteng sekolah, membuli, mengadakan hubungan seksual dan lain-lain⁸.

Kes juvana di negeri Melaka menunjukkan peningkatan dari 82 kes pada tahun 2000 kepada 153 kes pada tahun 2005⁹. Dari 1 Januari 2008 sehingga 1 Ogos 2008 sahaja sebanyak 11,692 kes salah laku semasa waktu persekolahan telah dilaporkan dalam negeri Melaka melibatkan 9,401 pelajar sekolah menengah¹⁰. Sebanyak 25% daripada salah laku tersebut dilakukan oleh pelajar berumur 16 tahun, 23.1% berumur 17 tahun dan 22% berumur 15 tahun¹⁰.

Walaupun terdapat banyak kajian mengenai salah laku sosial dilakukan di Malaysia, namun dari sorotan perpustakaan yang dilakukan, tidak terdapat banyak kajian berkaitan salah laku sosial remaja dilakukan di Negeri Melaka. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan khusus untuk melihat sejauh mana prevalens salah laku sosial remaja dan faktor hubung kait dengannya seperti faktor sosiodemografi, faktor rumah dan keluarga di dalam Daerah Melaka Tengah.

METODOLOGI

Satu kajian irisan lintang telah dijalankan untuk mengkaji prevalens salah laku sosial yang dilakukan oleh responden serta faktor-faktor pendorong dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Daerah Melaka Tengah. Jenis salah laku sosial yang dikaji adalah sebanyak 16 jenis yang mana prevalens salah laku sosial diambil kira sekiranya responden melakukan sekurang-kurangnya satu jenis salah laku tersebut dalam masa setahun. Seramai 414 pelajar tingkatan empat yang memenuhi kriteria telah dipilih menggunakan pensampelan rawak sistematik dari lapan buah sekolah yang dipilih secara rawak mudah. Kajian dilakukan pada Jun hingga September 2008. Kebenaran bertulis dari pelajar dan ibu bapa atau penjaga telah diperolehi sebelum diambil sebagai responden.

Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden. Soal selidik adalah diadaptasi dan

diubahsuai dari Borang Soal Selidik Remaja, Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke Empat -2004 (LPPKN 2004) dan Borang Soal Selidik untuk Remaja oleh Jabatan Kesihatan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia (JKM 2002)^{11,12}. Soal selidik telah dipra-uji ke atas 30 orang pelajar tingkatan empat dari sebuah sekolah menengah yang tidak terlibat dalam pemilihan responden kajian. Kajian ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan dan Etika Penyelidikan Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia serta Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kesemua data diproses dan dianalisa menggunakan perisian SPSS versi 12.0.

HASIL KAJIAN

Analisa Deskriptif

Faktor Sosiodemografi

Sejumlah 414 orang pelajar tingkatan empat yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini yang terdiri daripada 193 orang (46.6%) responden lelaki dan 221 orang (53.4%) responden perempuan. Majoriti responden adalah berbangsa Melayu (88.6%). 65.8% di kalangan ibu dan 63.1% di kalangan bapa responden mempunyai tahap pendidikan rendah iaitu sehingga sekolah menengah manakala 24.5% bapa dan 16.1% ibu responden mempunyai tahap pendidikan tinggi iaitu sehingga kolej atau universiti. Majoriti bapa bekerja (79.7%) tetapi sebaliknya 64% ibu responden adalah suri rumah tangga (64.0%). Taburan responden menurut faktor sosiodemografi ditunjukkan dalam Jadual 1.

Faktor Rumah

Seperti dalam Jadual 1, sejumlah 64.5% responden mendiami rumah yang dianggap mewah (rumah banglo, kembar dua, teres atau kondominium) manakala 35.5% tinggal di rumah yang sederhana (rumah kampung, pangsa dan setinggan). Sebanyak 75.8% responden tinggal di rumah yang mempunyai 3 buah bilik atau lebih dan selebihnya (24.2%) mendiami rumah yang mempunyai bilik kurang dari 3 buah. Bilangan penghuni tetap rumah termasuk responden sendiri adalah di antara 2 hingga 13 orang. Mengenai keselesaan berada di rumah,

seramai 377 responden (91.1%) menyatakan mereka berasa selesa tinggal di rumah yang didiami sekarang dan hanya 8.9% responden sahaja yang berasa tidak selesa.

Faktor Keluarga

Seramai 364 responden (87.9%) mempunyai ibu bapa atau penjaga dengan status berkahwin manakala seramai 50 responden (12.1%) mempunyai ibu atau bapa tunggal (bercerai, berpisah atau kematian pasangan hidup). Majoriti responden tinggal dalam keluarga nuklear iaitu 352 orang (85%) berbanding dengan yang tinggal dalam keluarga luas (extended) iaitu seramai 62 orang (15%)(Jadual 1). Dalam keluarga luas, selain dari nenek dan datuk, terdapat juga ahli-ahli keluarga lain yang tinggal bersama-sama seperti emak saudara, ayah saudara, anak saudara serta ipar. Bilangan adik-beradik minima adalah seorang dan yang maksima adalah 12 orang. Seramai 107 orang (25.8%) responden adalah anak kedua, 105 orang (25.4%) anak pertama (sulung) dan yang lainnya adalah anak ketiga dan seterusnya.

Jadual 1 Taburan Responden Menurut Faktor Sosiodemografi, Faktor Rumah dan Faktor Keluarga

Faktor	Bilangan	%
Jantina		
Lelaki	193	46.6
Perempuan	221	53.4
Bangsa		
Melayu	367	88.6
Bukan Melayu	47	11.4
Tahap pendidikan ibu*		
Rendah	343	83.9
Tinggi	66	16.1
Tahap pendidikan bapa**		
Rendah	299	75.5
Tinggi	97	24.5
Pekerjaan ibu		
Bekerja	149	36.0
Tidak bekerja	265	64.0
Pekerjaan bapa		
Bekerja	330	79.7
Tidak bekerja	84	20.3
Jenis Rumah		
Mewah	267	64.5
Sederhana	147	35.5
Bilangan bilik		
Kurang dari 3	100	24.2
3 atau lebih	314	75.8
Persepsi Keselesaan		
Selesa	377	91.1
Tidak selesa	37	8.9
Status Perkahwinan Ibu bapa		
Berkahwin	364	87.9
Tunggal	50	12.1
Struktur Keluarga		
Keluarga nuklear	352	85.0
Keluarga luas	62	15.0

* 5 responden tidak menjawab soalan (n=409)

** 18 responden tidak menjawab soalan (n=396)

Prevalens Salah Laku Sosial Remaja

Seramai 292 responden pernah melakukan sekurang-kurangnya satu salah laku sosial dalam tempoh setahun yang lepas. Dengan itu prevalens salah laku sosial responden dalam kajian ini adalah 70.5% (Jadual 2).

Melepak merupakan salah laku yang paling kerap dilakukan oleh responden (37.4%) diikuti dengan ponteng sekolah (30.0%),

menonton filem pornografi (28.7%) dan melakukan aktiviti praseksual (23.7%), pernah keluar sehingga larut malam iaitu selepas pukul 12 malam (19.8%), membuli orang lain (17.4%), vandalisme atau merosakkan harta-benda awam (14%), mencuri (13.8%) dan merokok (13.3%).

Selain itu, 10.6% dari responden pernah melakukan hubungan seksual bersama pasangan berlainan jantina tanpa ikatan perkahwinan, 5.6% responden melibatkan diri

dalam gengsterisme manakala 3.6% pernah berjudi, 2.9% pernah minum minuman keras, 2.7% pernah pergi ke disko atau kelab malam, 2.7% menyertai lumba haram dan akhir sekali hanya 1% responden sahaja mengaku pernah mengambil dadah.

Daripada 292 orang responden yang pernah melakukan salah laku sosial, seramai 152 orang (52.1%) terdiri dari pelajar lelaki dan 140 pelajar perempuan (47.9%). Jenis salah laku

yang mempunyai prevalens yang tinggi di kalangan responden lelaki ialah melepak (53.4%), menonton filem pornografi (47.7%), ponteng sekolah (36.3%) dan keluar rumah hingga larut malam (30.6%) manakala di kalangan responden perempuan pula, melakukan aktiviti praseksual (30.8%), ponteng sekolah (24.4%), melepak (23.5%) dan menonton filem pornografi (12.2%) merupakan prevalens yang tinggi.

Jadual 2 Taburan Jenis Salah laku Sosial dan Mengikut Jantina

Salah laku Sosial	Jumlah		Lelaki (n=152)		Perempuan (n=140)	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
a) Melakukan sekurang-kurangnya satu jenis salah laku	292	70.5	152	52.1	140	47.9
b) Jenis-jenis salah laku						
Melepak	155	37.4	103	53.4	52	23.5
Ponteng sekolah	124	30.0	70	36.3	54	24.4
Menonton filem pornografi	119	28.7	92	47.7	27	12.2
Aktiviti praseksual	98	23.7	30	15.5	68	30.8
Keluar rumah hingga larut malam	82	19.8	59	30.6	23	10.4
Membuli	72	17.4	54	28.0	18	8.1
Vandelisme	58	14.0	44	22.8	14	6.3
Mencuri	57	13.8	41	21.2	16	7.2
Merokok	55	13.3	54	28.0	1	0.5
Melakukan hubungan seksual	44	10.6	19	9.8	25	11.3
Terlibat dengan gangsterisme	23	5.6	20	10.4	3	1.4
Berjudi	15	3.6	11	5.7	4	1.8
Minum minuman keras	12	2.9	7	3.6	5	2.3
Pergi ke disko / kelab malam	11	2.7	5	2.6	6	2.7
Menyertai lumba haram	11	2.7	10	5.2	1	0.5
Mengambil Dadah	4	1.0	4	2.1	0	0.0

Analisa Bivariat

Hubungan Salah laku Sosial dengan Faktor Sosiodemografi.

78% di kalangan responden lelaki melakukan salah laku sosial manakala di kalangan responden perempuan pula sebanyak 63.3%. Ujian statistik khi kuasa dua menunjukkan terdapat hubungan bererti antara salah laku sosial dan jantina ($p < 0.001$) dengan peningkatan risiko sebanyak 2 kali ganda pada lelaki berbanding perempuan untuk melakukan salah laku sosial (Prevalens Nisbah Ods : 2.15, Selang Keyakinan 95%: 1.38-3.33) (Jadual 3).

Salah laku sosial adalah lebih tinggi di kalangan responden berbangsa Melayu (72.5%) berbanding dengan di kalangan responden bukan Melayu (55.3%). Ujian statistik khi kuasa dua mendapati terdapat hubungan bererti antara bangsa Melayu dan bukan Melayu ($p = 0.015$) yang mana pelajar berbangsa Melayu adalah 2 kali ganda lebih berisiko untuk melakukan salah laku sosial berbanding pelajar bukan Melayu (Prevalens Nisbah Ods : 2.13, Selang Keyakinan 95% : 1.15- 3.95) seperti dalam Jadual 3.

Sebanyak 75.8% responden yang mempunyai ibu berpendidikan tinggi melakukan salah laku sosial manakala di kalangan responden yang mempunyai ibu berpendidikan

rendah sebanyak 69.7%. Salah laku sosial adalah lebih tinggi di kalangan responden yang bapa berpendidikan tinggi (75.3%) berbanding 68.9% di kalangan responden yang mempunyai bapa berpendidikan rendah. Walau bagaimanapun, Ujian statistik khi kuasa dua mendapati tidak terdapat hubungan yang bererti di antara salah laku sosial dengan tahap pendidikan ibu atau bapa (Jadual 3). 71.1% responden yang mempunyai ibu bekerja dan 70.2% responden

yang ibu tidak bekerja melakukan salah laku sosial manakala 71.8% responden yang mempunyai bapa bekerja dan 65.5% responden yang bapa tidak bekerja melakukan salah laku sosial. Walau bagaimanapun, analisa dengan menggunakan Ujian khi kuasa dua juga tidak menunjukkan hubungan bererti antara salah laku sosial remaja dengan pekerjaan ibu atau pun bapa (Jadual 3).

Jadual 3 Hubungan Salah laku Sosial dengan Faktor Sosiodemografi

Faktor Sosiodemografi	Salah laku Sosial				χ^2	Nilai p	Prevalens Nisbah Ods (Selang Keyakinan 95%)
	Ya (n=292)		Tidak (n=122)				
	Bil.	%	Bil.	%			
Jantina							
Lelaki	152	78.8	41	21.2	11.77	<0.001*	2.15
Perempuan	140	63.3	81	36.7			(1.38-3.33)
Bangsa							
Melayu	266	72.5	101	27.5	5.90	0.015*	2.13
Bukan Melayu	26	55.3	21	44.7			(1.15-3.95)
Tahap pendidikan ibu							
Rendah	239	69.7	104	30.3	0.99	0.321	0.74
Tinggi	50	75.8	16	24.2			(0.40-1.35)
Tahap pendidikan bapa							
Rendah	206	68.9	93	31.1	1.42	0.233	0.73
Tinggi	73	75.3	24	24.7			(0.43-1.23)
Pekerjaan Ibu							
Bekerja	106	71.1	43	28.9	0.42	0.838	1.05
Tidak bekerja	186	70.2	79	29.8			(0.67-1.63)
Pekerjaan Bapa							
Bekerja	237	71.8	93	28.2	1.30	0.255	1.34
Tidak bekerja	55	65.5	29	34.5			(0.81-2.24)

* bererti pada $p < 0.05$

Salah laku Sosial dan Hubungannya dengan Faktor Rumah.

Salah laku sosial lebih tinggi di kalangan responden yang tinggal di rumah sederhana (73.5%) berbanding dengan di kalangan responden yang tinggal di rumah mewah (68.9%). 72.0% responden yang tinggal di rumah yang mempunyai 3 bilik atau lebih melakukan salah laku sosial manakala di kalangan responden yang tinggal di rumah yang kurang dari 3 bilik sebanyak 66.0%. Dari segi keselesaan, salah laku sosial lebih tinggi di

kalangan responden yang berasa tidak selesa di rumah (78.4%) berbanding di kalangan responden yang berasa selesa di rumah (69.8%). Walau bagaimanapun, Ujian khi kuasa dua mendapati tidak ada hubungan yang bererti di antara salah laku sosial dengan faktor rumah iaitu jenis rumah, bilangan bilik tidur atau pun keselesaan di rumah (Jadual 4). Bilangan penghuni rumah seperti dalam Jadual 5 tidak menunjukkan hubungan bererti dengan salah laku sosial setelah Ujian statistik t tak bersandar dilakukan di mana nilai $p=0.49$.

Jadual 4 Hubungan Salah laku Remaja dengan Faktor Rumah dan Faktor Keluarga

Faktor Rumah dan Keluarga	Salah laku Sosial				χ^2	Nilai p	Prevalens Nisbah Ods (Selang Keyakinan 95%)
	Ya (n=292)		Tidak (n=122)				
	Bil.	%	Bil.	%			
Jenis rumah							
Mewah	184	68.9	83	31.1	0.95	0.331	0.80 (0.51-1.25)
Sederhana	108	73.5	39	26.5			
Bilangan Bilik							
Kurang dari 3	66	66.0	34	34.0	1.30	0.254	0.756 (0.47-1.22)
3 dan lebih	226	72.0	88	28.0			
Keselesaan di Rumah							
Selesa	263	69.8	114	30.2	1.20	0.273	0.636 (0.28-1.44)
Tidak selesa	29	78.4	8	21.6			
Status perkahwinan ibu bapa							
Tunggal	37	74.0	13	26.0	0.33	0.566	1.217 (0.62-2.38)
Berkahwin	255	70.1	109	29.9			
Struktur Keluarga							
Nuklear	246	69.9	106	30.1	0.47	0.493	0.807 (0.44-1.49)
Luas	46	74.2	16	25.8			

* bererti pada $p < 0.05$

Salah laku Sosial dan Hubungannya dengan Faktor Keluarga.

Salah laku sosial di kalangan responden yang ibu atau bapa tunggal adalah 74.0% manakala 70.1% di kalangan responden yang ibu bapa masih berkahwin. Ujian statistik khi uasa dua tidak menunjukkan hubungan yang bererti antara salah laku sosial dengan status perkahwinan ibu bapa. 74.2% di kalangan responden yang tinggal dalam keluarga luas melakukan salah laku sosial manakala 69.9% di kalangan responden yang tinggal dalam keluarga nukleus. Walau bagaimanapun tiada hubungan bererti antara salah laku sosial dengan struktur keluarga (Jadual 4).

Perbezaan antara min bilangan adik-beradik yang melakukan salah laku sosial dengan yang tidak melakukannya adalah tidak bererti setelah menjalankan Ujian t tak bersandar dan ini menunjukkan tidak terdapat hubungan bererti antara salah laku sosial dengan bilangan adik

beradik. Ujian yang sama telah dijalankan ke atas kedudukan dalam keluarga yang mana perbezaan min antara melakukan salah laku dengan yang tidak melakukannya adalah tidak bererti (Jadual 5).

Jadual 5 Hubungan antara Salah laku Sosial Remaja dengan Bilangan Penghuni Rumah, Bilangan Adik-Beradik dan Kedudukan dalam Keluarga

	Salah laku Sosial		t	Nilai p	Selang Keyakinan 95%
	Ya (n=292)	Tidak (n=122)			
	Min ± Sisihan Piawai	Min ± Sisihan Piawai			
Bil. penghuni rumah	6.28 ± 1.84	6.19 ± 1.98	0.46	0.649	(-0.31) - 0.49
Bil. adik-beradik	4.90 ± 1.86	4.66 ± 1.94	1.19	0.234	(-0.16) - 0.64
Kedudukan dalam keluarga	2.90 ± 1.82	2.84 ± 1.76	0.33	0.740	(-0.32) - 0.45

* bererti pada $p < 0.05$

PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati 70.5% responden pernah melakukan sekurang-kurangnya satu daripada 16 jenis salah laku sosial yang dikaji dalam masa setahun yang mana 52.1% oleh pelajar lelaki dan 47.9% pelajar perempuan. Hasil kajian ini adalah tinggi dan setara dengan prevalens amalan tingkah laku berisiko di kalangan pelajar tingkatan satu dalam Daerah Johor Bahru dalam kajian oleh Shahrniza dalam tahun 2008 (66.8%) dan kajian oleh Hidayah et al. pada tahun 2003 di tiga buah rancangan pembangunan tanah (FELDA) di Semenanjung Malaysia (62.2%)^{13,14}. Berbeza dengan kajian oleh Shahrifah Raudzah di Johor Bahru pada tahun 2007 ke atas pelajar tingkatan empat yang mendapati prevalens salah laku adalah rendah iaitu 29.5% dan begitu juga dengan kajian oleh Rohani ke atas pelajar sekolah menengah di Selayang pada tahun 2001 (27.7%)^{15,16}.

Prevalens merokok (20%), terlibat dalam pergaduhan atau membuli (21.1%) dan mencuri (21.4%) dalam kajian Shahrniza didapati lebih tinggi jika dibandingkan dengan kajian ini, walau bagaimanapun merosakkan harta benda awam (13.6%) dan poteng sekolah (30.7%) didapati hampir sama dengan kajian ini¹³. Ponteng sekolah (47.8%) dan merokok atau menagih dadah (22.2%) dalam kajian Sharifah Raudzah adalah lebih tinggi berbanding dengan kajian ini tetapi melepak di pusat membeli belah (20.4%) adalah lebih rendah dibandingkan dengan kajian ini¹⁵. Sebanyak 5.4% dari 4,500 remaja bersekolah di Negeri Sembilan didapati

pernah melakukan hubungan seksual yang mana didapati lebih rendah berbanding dengan kajian ini (10.6%)¹⁷. Kajian oleh Zulkifli et al. terhadap 1,181 remaja bujang berumur 15 – 21 tahun di Kuala Lumpur mendapati 9% responden yang dikaji melakukan hubungan seksual dan hasil kajian tersebut didapati hampir sama dengan kajian ini, tetapi aktiviti praseksual dalam kajian tersebut adalah tinggi (44% pernah bercium dan 35% pernah bercumbuan) berbanding dengan kajian ini yang hanya melibatkan 23.7% responden berisiko¹⁸.

Satu kajian longitud 'Australian Temperament Project (ATP)' yang dijalankan terhadap 2443 kanak-kanak dari bayi hingga ke umur 17 – 18 tahun bermula dari tahun 1983 mendapati sebanyak 10-20% responden mencuri dan merosakkan harta-benda awam, 43% ponteng sekolah, 39% merokok, 85% minum minuman keras, 6-19% menghisap marijuanayang mana kesemua salah laku tersebut adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kajian ini¹⁹.

Kajian longitud oleh U.S Census Bureau ke atas remaja berusia 12 – 17 tahun pada tahun 2001 mendapati aktiviti memecah harta benda awam adalah 32%, 30% - 40% responden cuba merokok dan minum alkohol, 17% menghisap marijuana manakala hampir 25% responden mengaku pernah melakukan hubungan seks yang mana hasil kajian tersebut didapati lebih tinggi berbanding hasil kajian ini²⁰.

Lebih dari tiga per empat di kalangan responden lelaki dalam kajian ini melakukan salah laku sosial dan didapati lelaki mempunyai

risiko salah laku sosial sebanyak 2 kali ganda berbanding dengan remaja perempuan. Hasil kajian ini adalah selaras dengan banyak kajian yang dilakukan sebelum ini. Shahraniza mendapati lelaki adalah faktor pendorong kepada salah laku sosial remaja¹³. Hidayah et al., Rohani dan Lee et al. juga mendapati hubungan bererti di antara jantina dan salah laku remaja yang mereka kaji^{14,16,17}. Kajian di Israel menunjukkan 57.1% pembuli adalah lelaki berbanding 27.0% perempuan²¹. Hasil kajian terhadap salah laku seksual oleh Zulkifli et al. mendapati perbezaan yang bererti di antara lelaki (26%) dan perempuan (5%) dalam melakukan aktiviti seksual¹⁸.

Kajian ini mendapati hubungan bererti antara bangsa dan salah laku sosial remaja yang mana remaja Melayu adalah dua kali ganda lebih berisiko dari bukan Melayu. Kajian ini disokong oleh Shahraniza tetapi hasil kajian Lee et al. dan Siti Norazah & Low adalah sebaliknya^{13, 17, 22}.

Tahap pendidikan ibu atau bapa tidak menunjukkan hubungan yang bererti dengan salah laku sosial remaja dalam kajian ini. Shahraniza dan Rohani juga mendapati pendidikan ibu atau bapa tidak mempunyai hubungan bererti dengan tingkah laku berisiko^{13,16}. Namun, berbeza dengan kajian terhadap pelajar di FELDA yang mana ibu dan bapa yang tidak mempunyai pendidikan formal mempunyai risiko yang tinggi untuk melakukan salah laku¹⁴. Faktor pekerjaan ibu bapa responden dalam kajian ini juga tidak menunjukkan hubungan bererti dengan salah laku sosial.

Kajian ini mendapati rumah bukan faktor yang mempengaruhi remaja untuk melakukan salah laku sosial. Ini dibuktikan dengan ujian statistik yang mana tidak terdapat hubungan bererti antara jenis-jenis rumah terhadap salah laku sosial. Berbeza dengan kajian di luar kota London terhadap kanak-kanak dan awal remaja berusia antara 4 tahun 9 bulan hingga 11 tahun 10 bulan pada 1995 mendapati responden yang tidak mempunyai rumah atau berumah berbentuk sementara mempunyai tahap masalah kelakuan yang tinggi berbanding dengan responden yang mempunyai rumah²³.

Remaja yang memasuki Sekolah-sekolah Henry Gurney didapati tinggal dalam rumah yang kecil dan padat serta tidak mempunyai bilik yang mencukupi²⁴. Berbanding dengan kajian ini yang mendapati lebih kurang tiga per empat di kalangan responden yang tinggal di rumah yang mempunyai 3 buah bilik

tidur atau lebih melakukan salah laku sosial. Walau pun begitu, bilangan bilik tidur dalam kajian ini didapati tidak mempunyai hubungan bererti dengan salah laku sosial.

Tahap keselesaan terhadap rumah yang didiami adalah berbeza-beza mengikut persepsi responden. Salah laku sosial didapati lebih tinggi dilakukan oleh pelajar yang berasa tidak selesa di rumah berbanding pelajar yang berasa selesa di rumah. Walau bagaimanapun tidak terdapat hubungan yang bererti antara keselesaan di rumah dengan salah laku remaja. Ini berbeza dengan kajian oleh Shahraniza yang mendapati hubungan bererti antara keselesaan di rumah dengan amalan berisiko¹³.

Responden berisiko dalam kajian ini yang mempunyai ibu bapa tunggal melebihi dari beribu bapa lengkap namun tidak terdapat hubungan bererti antara salah laku sosial dengan status perkahwinan ibu bapa. Ini disokong oleh Overturf dan Downs tetapi berbeza dengan Wahab yang mendapati 80.7% pesalah juvana di Malaysia datang dari keluarga lengkap dan 19.3% lagi mempunyai ibu atau bapa tunggal^{20,24}.

Bilangan adik-beradik yang ramai boleh mempengaruhi salah laku remaja. Kajian ini mendapati tidak ada hubungan antara salah laku sosial remaja dengan bilangan adik-beradik. Kedudukan dalam keluarga juga didapati tidak mempunyai hubungan bererti dengan salah laku sosial remaja. Pemerhatian ini selaras dengan kajian Overturf dan Downs²⁰.

Terdapat beberapa limitasi dalam kajian ini. Maklumat terhadap salah laku sosial ini adalah bergantung pada pengakuan dan ingatan responden. Mereka mungkin tidak jujur atau tidak mengingati salah laku yang pernah mereka lakukan. Selain dari itu, pemilihan responden hanya dari pelajar sekolah menengah bantuan kerajaan dan tidak melibatkan sekolah swasta dan remaja yang keciciran sekolah.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini telah mendapati prevalens salah laku sosial remaja dalam Daerah Melaka Tengah adalah tinggi yang mana kesemua salah laku yang dikaji pernah dilakukan oleh remaja walaupun peratusan yang berbeza. Ini menunjukkan remaja adalah sangat mudah terdorong dan berisiko untuk melakukan salah laku sosial. Remaja lelaki dan remaja berbangsa Melayu mempunyai risiko yang lebih tinggi berbanding remaja perempuan ataupun bangsa-

bangsa yang lain. Usaha perlu dijalankan oleh semua pihak bagi menangani dan mengurangkan prevalens salah laku remaja terutama ibu bapa dan pihak sekolah. Aktiviti yang dirancang untuk remaja perlulah menekankan tentang bahaya dan kesan-kesan salah laku sosial dan lebih fokus kepada remaja lelaki dan yang berbangsa Melayu. Anak-anak perlulah dididik dalam usia seawal mungkin supaya bebas dari melakukan salah laku sosial dan meningkat ke alam remaja dan dewasa yang sejahtera dan berguna untuk masyarakat.

RUJUKAN

1. MS Hanafiah: Keluarga dan Kesihatan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000
2. WHO Department of Child and Adolescent Health and Development (CAH). Overview of CAH. Available at <http://www.who.int/child-adolescent-health/over.htm> on 19 October 2007
3. Jabatan Perangkaan Malaysia: Perangkaan Penting Malaysia, Edisi Khas (2001 – 2006). Putrajaya : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2006
4. Kementerian Kesihatan Malaysia. Garispanduan Perlaksanaan Perkhidmatan Kesihatan Remaja di Peringkat Kesihatan Primer, 2005
5. LS Neinstein: Adolescent Health Care- A practical Guide. Ed.Ke-3. Baltimore: Williams & Wilkins, 1996
6. B Rahim: Keluarga Demokrasi Boleh Atasi Masalah Remaja. Berita Harian Online (1997). Available at <http://www.beritaharian.com.my> on 25 Julai 2007
7. S Houghton and A Carroll: Longitudinal rates of self-reported delinquency of At-Risk and Non At-Risk Western Australian High School Students. *The Australian and New Zealand Journal of Criminology*, 35 (1): 99-113 (2002)
8. H Nasimah: Juvenile Delinquencies in Malaysia: Legal provisions and prospects for reforms. Available at www.malaysiantoday.com.my/web/modules/news/index.php on 21 June 2007
9. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM): Statistics on Women, Family and Social Welfare, 2007
10. Kementerian Pelajaran Malaysia: Laporan Jumlah Kes Jenis Salah Laku Mengikut Negeri Semua Jenis Sekolah Rendah Dan Menengah, 2008
11. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia: Kajian Penduduk dan Keluarga Ke Empat, 2004
12. Jabatan Kesihatan Masyarakat (JKM), Universiti Kebangsaan Malaysia: Borang Soal Selidik Untuk Remaja: Faktor-faktor Dalam Keluarga Yang Berkaitan Dengan Remaja Harapan, 2002
13. B Shahrniza: Amalan Tingkah Laku Berisiko di Kalangan Awal Remaja dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhinya di Daerah Johor Bahru, Johor. Tesis Sarjana, Jabatan Kesihatan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008
14. NI Hidayah, MS Hanafiah, MN Idris, S Rosnah, NMS Ibrahim and CD Normah: Risk Behaviour Amongst Adolescents Of A Rural Land Development Scheme In Peninsular Malaysia. *Jurnal Kesihatan Masyarakat* 9: 12-16 (2003)
15. SJ Sharifah Raudzah: Faktor-faktor yang Mempengaruhi Salah Laku Pelajar dan Hubungannya dengan Personaliti Pelajar. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2007
16. I Rohani: Perilaku Devian Remaja dan Hubungannya dengan Faktor-faktor Keluarga – Mengikut Persepsi Remaja, Satu Kajian di Sebuah Sekolah Menengah di Selayang. Tesis Sarjana, Jabatan Kesihatan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001
17. LK Lee, PCY Chen, KK Lee and J Kaur: Premarital Sexual Intercourse Among Adolescents in Malaysia: A Cross-Sectional Malaysian School Survey. *Singapore Med J* 46 (6): 476- 481 (2006)
18. SN Zulkifli, WY Low and K Yusof: Sexual Activities of Malaysian Adolescents. *Med J Malaysia* 50 (1): 4 – 10 (1995)
19. S Vassallo, D Smart, A Sanson, I Dussuyer, B McKendry, J Toumbourou, M Prior and F Oberklaid: Patterns and precursors of adolescent antisocial behaviour. The first report of Australian Temperament Project. Australian Institute of Family Studies and Crime Prevention Victoria, Department of Justice, 2002

20. JV Overturf and B Downs: Adolescent Behaviour and Family Relationship. Presentation at the Annual Meeting of the Population of America, Minneapolis, 2003
21. RV Gofin, H Palti and L Gordon: Bullying in Jerusalem Schools: Victims and Perpetrators. *Public Health* 116 : 173 – 178 (2002)
22. Z Siti Norazah and WY Low: Sexual Practices in Malaysia: Determinants of Sexual Intercourse Among Unmarried Youths. *Journal of Adolescent Health* 27: 276-280 (2000)
23. J Amery, A Tomkins and C Victor: The Prevalence of Behavioural Problems Amongst Homeless Primary School Children in An Outer London Borough: A Feasibility Study. *Public Health* 109: 421 – 424 (1995)
24. Wahab Kassim: Juveniles on Remand: Trends and Practices in Malaysia. Participants' paper at 129th UNAFEI International Senior Seminar 2005. Available at http://www.unafei.or.jp/english/pdf/PDF_rms/no68/13_Malaysia_p196_208.pdf on 20 May 2008